



Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam
Lot 322-324, Seksyen 27, Jalan Sri Cemerlang,
15300 KOTA BHARU, KELANTAN.

Tel : 09-7414888

Faks : 09-7479014

Ruj. Kami : JAS.DHQ.600-2/5/268 (28)

Tarikh : 12 Mac 2024

Pengarah Urusan
Billion Eco Mining Sdn. Bhd,
Level 2, Menara Choy Fook On,
No. 1B, Jalan Yong Shook Lin,
46050 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan,

ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) FOR PROPOSED FOREST DEVELOPMENT PROJECT (177.0) AT HSK SUNGAI DURIAN (COMPARTMENT 56, 57, & 61-PARTIALLY) MUKIM TELEKONG, DAERAH BATU MENGKEBANG, JAJAHAN KUALA KRAI, KELANTAN DARUL NAIM- REVISED MAC 2024 oleh BILLION ECO MINING SDN. BHD.

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jabatan ini telah menerima Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi cadangan projek tersebut di atas melalui surat bertarikh 6 Februari 2024. Laporan EIA berkenaan telah dikaji dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Laporan EIA (*EIA Technical Review Committee*) pada 29 Februari 2024 di Jabatan ini. Seterusnya Jabatan ini telah menerima Laporan EIA yang telah dikemaskini melalui surat bertarikh 07 Mac 2024.

3. Setelah mengkaji Laporan EIA yang dikemukakan, Jabatan ini mendapati bahawa Laporan EIA tersebut **mematuhi Seksyen 34A(2c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**. Dengan itu, sukacita dimaklumkan

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO SIJIL : QMS 03475

bahawa Laporan EIA ini **DILULUSKAN** dibawah **Seksyen 34A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**, dengan syarat-syarat kelulusan seperti di **LAMPIRAN**. Pihak penggerak projek juga hendaklah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

4. Laporan EIA ini telah mengenalpasti isu-isu alam sekitar yang kritikal yang perlu diambil kira semasa melaksanakan projek iaitu:

- 4.1 Tapak cadangan projek terletak di kawasan berketiingian di antara 300-600 meter dari aras laut (ASL) dengan kawasan yang berkecerunan melebihi 25° adalah seluas 43.61 hektar. Kawasan tersebut hendaklah dikekalkan dan hanya kaedah platform (spot planting) dibenarkan;
- 4.2 Melaksanakan langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodakan tanah dengan sewajarnya bagi mencegah pencemaran air anak Sungai Pertang dan Sungai Nal di dalam kawasan tapak projek akibat kerja-kerja tanah yang akan dilaksanakan bagi pengeluaran saki baki balak/pokok hutan, aktiviti pembersihan kawasan dan penyediaan tapak untuk penanaman pokok ladang hutan;
- 4.3 Mencegah penghasilan sisa tumbuhan/biomas yang banyak hasil daripada kerja-kerja pembersihan kawasan dan penyediaan tapak, yang akan menyebabkan berlakunya pembakaran terbuka sama ada secara sengaja atau tidak sengaja serta kejadian banjir yang membawa bersama puing-puing dan biomas; dan
- 4.4 Satu kajian dan data lengkap terhadap bilangan hidupan liar yang terjejas di kawasan tapak projek hendaklah dijalankan oleh perunding serta menyediakan pelan pengurusan hidupan liar (WMP) yang merangkumi penyediaan peruntukan untuk kerja-kerja tangkap pindah (sekiranya perlu). Data dan pelan tersebut hendaklah dikemukakan kepada pihak Jabatan PERHILITAN sebelum dilaksanakan oleh penggerak projek.


5. Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan - EMP*) mengikut format yang ditetapkan hendaklah dikemukakan dengan segera dan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.
6. Kelulusan Laporan EIA ini hanya sah diterima pakai dalam **tempoh dua (2) tahun** dari tarikh surat kelulusan ini dikeluarkan. Sekiranya projek ini tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, kelulusan Laporan EIA dengan sendirinya terbatal.
7. Pihak tuan juga hendaklah mendapatkan kelulusan agensi-agensi teknikal sebelum melaksanakan projek ini.
8. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam memelihara kualiti alam sekitar ke arah pembangunan lestari amatlah dihargai.
9. Pihak tuan adalah dimohon untuk **melengkapkan borang maklumbalas pelanggan** melalui pautan <https://qrcode.link/a/tplltOu> atau dengan mengimbas kod QR dalam Lampiran 5 di bawah. Kerjasama dan sokongan pihak tuan dalam memelihara kualiti alam sekitar kita seiring dengan pembangunan lestari adalah dihargai.

Sekian, dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(WAN AMINORDIN BIN WAN KAMARUDDIN)
b.p Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

s.k.:

1. Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar Malaysia
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 W. P. PUTRAJAYA
(u.p. : Pengarah Bahagian Penilaian)
2. Ketua Cawangan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
Cawangan Gua Musang
PT 9342, Taman Titiwangsa, Bandar Baru
18300 GUA MUSANG
3. Pengarah Urusan
Tropical Growth (M) Sdn. Bhd.
Lot PT 766, Tingkat 1,
Pasar Awam Bersepadu,
Wakaf Che Yeh,
15100 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM.



Borang Maklum Balas Pelanggan
(Perkhidmatan Jabatan Alam Sekitar)



Terima kasih di atas maklum balas anda.

Jabatan Alam Sekitar

NOTA: Sekiranya maklumbalas tidak diterima dalam tempoh dua (2) minggu, Jabatan beranggapan perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan.

LAMPIRAN



JAYA ALAM SEKELILING

**AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974
PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(AKTIVITI YANG DITETAPKAN)
(PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015
JADUAL PERTAMA**

**SYARAT-SYARAT KELULUSAN
LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING
(ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT, EIA)**

Bagi

PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI *PROPOSED FOREST DEVELOPMENT PROJECT (177.0) AT HSK SUNGAI DURIAN (COMPARTMENT 56, 57, & 61-PARTIALLY) MUKIM TELEKONG, DAERAH BATU MENGKEBANG, JAJAHAN KUALA KRAI, KELANTAN DARUL NAIM – REVISED MAC 2024*

Untuk dilaksanakan sepenuhnya oleh:

**BILLION ECO MINING SDN. BHD.
(842689-M)
LEVEL 2, MENARA CHOY FOOK ON,
NO. 1B, JALAN YONG SHOOK LIN,
46050 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

Sebagaimana diperuntukan di bawah Seksyen 34A(3), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) ini **DILULUSKAN DENGAN SYARAT-SYARAT BERIKUT:**

A. PEMATUHAN

1. Syarat-syarat kelulusan adalah merujuk kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bertajuk **Proposed Forest Development Project (177.0 HA) At HSK Sungai Durian (Compartment 56,57, & 61- Partially) Mukim Telekong, Daerah Batu Mengkebang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan Darul Naim – Revised Mac 2024 oleh Billion Eco Mining Sdn. Bhd.** yang dikemukakan oleh Jururunding EIA, Tropical Growth (M) Sdn. Bhd. bagi pihak Penggerak Projek melalui surat bertarikh 7 Mac 2024.

2. Semua pernyataan dan perakuan yang dinyatakan dalam Laporan EIA hendaklah dipatuhi dan dilaksanakan oleh pihak Penggerak Projek.
3. Pembangunan projek ini hendaklah mematuhi sepenuhnya **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.**

B. PENERANGAN BAGI AKTIVITI YANG DITETAPKAN

4. Projek ini bertajuk **Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi Proposed Forest Development Project (177.0 HA) At HSK Sungai Durian (Compartment 56,57, & 61- Partially) Mukim Telekong, Daerah Batu Mengkebang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan Darul Naim – Revised Mac 2024 oleh Billion Eco Sdn. Bhd.** dan tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 seperti berikut:

Aktiviti 5, Jadual Pertama: Perhutanan

- (e) Pembangunan ladang hutan yang meliputi kawasan seluas 100 hektar atau lebih tetapi kurang daripada 500 hektar.

C. KONSEP DAN REKABENTUK PROJEK

5. Kelulusan Laporan EIA ini adalah terhad kepada pembangunan ladang hutan serta kemudahan-kemudahan berkaitan sahaja. Komponen projek adalah sepertimana yang dinyatakan di dalam Laporan EIA.
6. Koordinat-koordinat lokasi dan sempadan tapak cadangan projek ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam *Figure 1.2 : The Boundary Coordinate of Proposed Project Site* dalam Laporan EIA.
7. Pembangunan projek ini adalah dihadkan di **kawasan seluas 145.53 hektar sahaja** di *HSK Perias (Compartment 56, 57, & 61 – Partially) Mukim Telekong, Daerah Batu Mengkebang, Jajahan Kuala Krai, Kelantan Darul Naim* seperti yang dinyatakan dan ditunjukkan di dalam *Figure 5.4: The Usable & Un-usable Area of Proposed Project Site*.
8. Komponen-komponen dan pelaksanaan cadangan projek adalah dinyatakan di *Chapter 5 : Project Description, Table 5.3 – Proposed Project Implementation Schedule, Figure 5.3: Proposed Blocks & Phases of Proposed Project Site* dalam Laporan EIA. Kaedah penanaman pokok hendaklah sebagaimana pernyataan para 5.3.2 – Planting Stage (muka surat 5-18) dalam Laporan EIA. Tiada aktiviti teres (terracing) dibenarkan di kawasan tapak projek yang berkecerunan melebihi 25°.
9. Pembukaan hutan/kawasan tapak projek hendaklah dijalankan secara berperingkat dan berfasa sepertimana yang dinyatakan di dalam laporan EIA. Hendaklah dimulakan dari kawasan bersempadanan dengan kawasan yang telah dibuka dan menghala ke arah hutan supaya tiada hidupan liar terperangkap. Kerja-kerja untuk setiap fasa hendaklah mendapat kelulusan

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dan dimaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan bagi memastikan tidak ada percanggahan dengan aktiviti pengeluaran saki baki balak, pembersihan kawasan dan penyediaan tapak.

10. Pembinaan sebarang jalan yang merentasi anak-anak sungai atau alur air di dalam kawasan tapak projek hendaklah menggunakan jambatan, *box culvert* atau *culvert*.
11. Sekiranya terdapat aktiviti perlombongan diluluskan kepada pihak ketiga oleh Pihak Berkuasa Negeri dan ingin dijalankan di atas tapak ini setelah kerja-kerja pembersihan tapak/pengeluaran kayu dijalankan, penggerak projek perlu memastikan keadaan tanah berada dalam keadaan baik dan memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan tempoh bermulanya serahan tapak kepada pihak lain dan tarikh penyambungan semula projek.

D. PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR (ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN, EMP)

12. **EMP** hendaklah disediakan mengikut format dalam *Chapter 6 - Post Submission Stage of EIA Report, Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia* (EGIM) terbitan Jabatan Alam Sekitar. Dokumen berkaitan *Pollution Prevention and Mitigation Measures* (P2M2) hendaklah dimasukkan di dalam EMP ini dan disediakan mengikut *Appendix 4* dalam garis panduan yang sama.
13. EMP yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan untuk kelulusan. Langkah-langkah kawalan dan mitigasi yang diperincikan di dalam EMP hendaklah dilaksanakan dan dipatuhi sepenuhnya.
14. EMP hendaklah dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan atau pindaan terhadap langkah-langkah kawalan dan mitigasi dan/atau terdapat arahan terkini daripada Jabatan Alam Sekitar.
15. Bagi pematuhan syarat-syarat EIA, semua aspek mengurus perdana alam sekitar (*Environmental Mainstreaming Tools*) seperti di dalam EGIM dan *Environmental Mainstreaming Directive* (seperti di **LAMPIRAN 1**) hendaklah dilaksanakan.
16. Penyelenggaraan semua komponen *Best Management Practices* (BMPs) hendaklah dilaksanakan dan rekod penyelenggaraan disediakan dan disimpan dengan baik untuk tujuan pemeriksaan.
17. Pemeriksaan terhadap semua komponen BMPs hendaklah dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas catatan hujan adalah bersamaan atau melebihi 12.5 mm.
18. Tolok hujan (*rain gauge*) hendaklah dipasang di satu kawasan yang terbuka di dalam tapak projek.

19. Jalan masuk (*access road*) dan jalan sementara (*construction road*) hendaklah dibina mengikut jajaran dan spesifikasi reka bentuk dalam lukisan *Land Disturbing Pollution Prevention & Mitigation Measures* (LD-P2M2).
20. Sebarang tanah-tanah berlebihan (*over burden*) hendaklah ditentukan lokasi pelupusannya dan dikawal dengan pemampatan, penutup, tanaman penutup bumi dan dibina benteng (*bund*) di sekelilingnya bagi mengelakkan tanah-tanah tersebut memasuki mana-mana alur air.
21. Pelupusan tanah-tanah berlebihan (*over burden*) di luar tapak projek hendaklah mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Kuala Krai.

E. KAWALAN HAKISAN DAN SEDIMEN

22. Pembukaan tanah hendaklah dilaksanakan:
 - (i) Mengikut penjadualan fasa-fasa yang ditetapkan dalam Laporan EIA ini;
 - (ii) Turutan (*sequencing*) pelaksanaan aktiviti-aktiviti utama yang selari dengan pemasangan BMPs.
23. BMPs hendaklah dibina sebelum pembukaan tanah dimulakan dan selaras dengan peringkat kerjatanah.
24. Kawasan di mana kerja-kerja tanah masih dilaksanakan, hendaklah dibuat penstabilan tanah sementara dan kawasan terdedah di mana kerja-kerja tanah telah selesai hendaklah ditutup dalam tempoh 14 hari dari tarikh kerja tanah selesai.

F. KAWALAN AIR LARIAN PERMUKAAN

25. Kawalan sempadan kawasan kerja (*perimeter control*) dan peparitan sempadan kawasan (*perimeter drain*) hendaklah disediakan di tapak projek sebelum sebarang kerja pembukaan tanah dijalankan.
26. Sebarang **pelepasan air larian permukaan dari tapak projek semasa kerja tanah dijalankan tidak dibenar dilepaskan terus ke mana-mana alur air** dan hendaklah melalui perangkap mendap atau kolam mendapan terlebih dahulu.

G. KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI AIR

27. Sebarang pelepasan air larian permukaan dari tapak projek ke luar sempadan tapak projek hendaklah **tidak boleh** mengandungi parameter:
 - (i) Kekeruhan melebihi 250 *Nephelometric Turbidity Unit* (NTU); atau
 - (ii) Jumlah Pepejal Terampai, TSS melebihi 50 mg/L.
28. Sebarang aktiviti kerja tanah hendaklah dihentikan apabila parameter kekeruhan pada takat pelepasan akhir kolam perangkap mendap didapati

melebihi 250 NTU. Aktiviti-aktiviti kerja tanah hanya dibenarkan untuk dijalankan semula setelah kolam perangkap mendap atau apa-apa sistem kawalan hakisan yang berkaitan tersebut sempurna dibaikpulih. Rekod baikpulih dan penyelenggaraan kolam perangkap mendap hendaklah disimpan untuk semakan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.

29. Pengawasan kualiti air sungai bagi alur air/anak Sungai Pertang dan Sungai Nal yang melibatkan kawasan projek hendaklah dijalankan sehingga selesai kerja-kerja tanah dan aktiviti penanaman pokok ladang hutan pelbagai spesies dan pokok tutup bumi. Parameter-parameter yang perlu diukur adalah kekeruhan, pH, oksigen terlarut (DO), permintaan oksigen bio-kimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), jumlah pepejal terampai (TSS), ammoniakal nitrogen (AN), nitrat, *Escherichia coli* (E-coli), minyak & gris (O&G). Program pengawasan kualiti air termasuk butiran lokasi pengawasan dan kekerapan percontohan hendaklah dinyatakan di dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan.
30. Kemudahan tandas yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan atau Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) hendaklah disediakan di kem pekerja di sepanjang tempoh pembangunan/pembinaan dan operasi projek.
31. Benteng hendaklah dibina di sekeliling tangki simpanan bahan api cecair untuk mengawal sebarang tumpahan. Benteng yang dibina hendaklah memenuhi kehendak *Malaysian Standard MS 761 - Code of Practice for Storage and Handling of Flammable and Combustible Liquids* terbitan SIRIM tahun 1982 dan berupaya menampung sekurang-kurangnya 110 peratus kandungan tangki terbesar di dalam benteng berkenaan. Tangki yang menyimpan bahan dari jenis yang sama sahaja dibenarkan di letak dalam benteng yang sama. Tapak penyimpanan tangki hendaklah diperbuat daripada bahan yang tak telap seperti konkrit. Kemudahan untuk mengepam bahan yang tumpah hendaklah disediakan di dalam benteng.
32. Langkah – langkah kawalan penyakit terutamanya yang merebak melalui air dan vektor (seperti *thyphoid*, *cholera*, *gastroenteritis* dan *malaria*) hendaklah dilaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

H. PELAPORAN

33. Laporan-laporan berikut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan yang mengandungi:
 - (i) Laporan bergambar ringkasan kemajuan kerja-kerja tanah dan penanaman pokok ladang hutan termasuklah laporan bergambar kemajuan kerja hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan **Borang EIA 1-18** seperti di **LAMPIRAN 2**, dalam tempoh 90 hari dari tarikh surat kelulusan Laporan EIA ini. Maklumat ini hendaklah dikemukakan **setiap tiga (3) bulan sekali** sehingga kerja-kerja tanah dan penanaman siap sepenuhnya; dan

- (ii) Laporan bergambar pematuhan syarat-syarat kelulusan Laporan EIA ini yang menunjukkan bahawa semua syarat kelulusan dipatuhi dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan dilaksanakan bagi semua aktiviti berkaitan seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 34A(7), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, hendaklah dikemukakan dengan melengkapkan **Borang EIA 2-18** seperti di **LAMPIRAN 3**. Maklumat ini hendaklah dikemukakan **setiap 3 bulan sekali** bermula dari kerja-kerja tanah sehingga projek siap.
34. Laporan secara *on-line* hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan yang mengandungi:
- (i) Pemeriksaan semua BMPs hendaklah dijalankan apabila catatan hujan melebihi 12.5 mm. Laporan pemeriksaan ini hendaklah dikemukakan seperti format di **LAMPIRAN 4** dalam tempoh 24 jam selepas pemeriksaan dijalankan; dan
 - (ii) Laporan bergambar bagi tindakan pembaikan BMPs hendaklah dikemukakan dalam tempoh 7 hari dari kejadian.
35. Laporan-laporan pengawasan alam sekitar berikut dengan analisis parameter-parameter bagi pengawasannya dijalankan oleh makmal yang mendapat pengiktirafan "Skim Akreditasi Makmal Malaysia" dari Jabatan Standard Malaysia, hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan seperti berikut:
- (i) Laporan pengawasan dan penilaian kualiti air sungai bagi alur air/anak Sungai Pertang dan Sungai Nal dan mana-mana anak sungai atau alur air yang melibatkan kawasan projek hendaklah dikemukakan **setiap tiga bulan sekali** mulai dari tarikh mula kerjatanah sehingga selesai aktiviti penanaman pokok ladang hutan dan pokok tutup bumi dijalankan; dan
 - (ii) Laporan percontohan pelepasan pepejal terampai dari kolam perangkap mendap hendaklah dikemukakan **setiap tiga bulan** dari tarikh mula kerjatanah sehingga selesai aktiviti penanaman pokok ladang hutan dan pokok tutup bumi dijalankan.

I. KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI UDARA

36. **Pemberitahuan Bertulis (PB)** bagi sebarang pemasangan alat pembakaran bahan api seperti janakuasa dan kemudahan berkaitan atau pembinaan apa-apa cerobong yang menyebabkan pelepasan bendasing ke udara di tapak projek perlu dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum sebarang pembinaan atau perubahan sistem kawalan pencemaran udara dilaksanakan sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.
37. Kemudahan mencuci tayar bagi jentera dan kenderaan pembinaan seperti *washing trough*, *washing bay*, *water jet* atau apa-apa kemudahan yang

bersesuaian dengan keadaan tapak projek hendaklah disediakan bagi mengawal pencemaran habuk. Roda-roda jentera dan kenderaan pembinaan hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum di benar bergerak di atas jalanraya awam.

38. Pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali sepertimana dinyatakan di bawah **Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**.
39. Papan tanda larangan pembakaran terbuka hendaklah disediakan di tempat-tempat yang sesuai di dalam kawasan tapak.

J. KAWALAN BUNYI BISING

40. Langkah kawalan berkesan bagi mengurangkan pencemaran bunyi bising kepada paras 65 dB(A) di sempadan kawasan tapak projek atau kepada pihak penerima terdekat hendaklah dilaksanakan di kedua-dua peringkat pembangunan/pembinaan dan operasi.

K. KAWALAN PENGGUNAAN BAJA DAN RACUN MAKHLUK PEROSAK

41. Penggunaan baja hendaklah dihadkan kepada jenis organik atau yang mudah terurai dan bersifat pelepasan secara perlahan (*slow release*).
42. Penggunaan dan pengendalian racun makhluk perosak hendaklah mengikut Akta Racun Makhluk Perosak, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta mengikut had atau sukatan yang ditetapkan oleh pihak pengilang. Racun makhluk perosak hendaklah dari jenis yang selektif terhadap spesies sasaran, bersifat organik (*sistemik*) dan mudah susut.
43. Tempat penstoran bagi bekas atau tong racun makhluk perosak dan rumpai hendaklah disediakan di dalam premis ladang dan berupaya menstor bekas atau tong yang akan dihasilkan sekurang-kurangnya dalam tempoh lima (5) tahun. Tempat penstoran ini hendaklah dikemukakan untuk persetujuan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan terlebih dahulu sebelum pembinaan dimulakan.

L. PENGENDALIAN BAHAN BUANGAN

44. Sebarang **buangan terjadual** sepertimana tersenarai di Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan–Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, mestilah diurus dengan sempurna mengikut kaedah–kaedah yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Sisa–sisa ini hanya boleh dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
45. Semua sisa pepejal selain daripada buangan yang diklasifikasikan sebagai buangan terjadual hendaklah dilupuskan dengan sempurna di tapak pelupusan yang diluluskan oleh Majlis Daerah Kuala Krai. Sisa–sisa buangan jenis mudah terurai (*biodegradable*) boleh dilupuskan dengan kaedah *composting* di kawasan yang sesuai dalam tapak projek di mana kedudukannya hendaklah jauh dari mana–mana alur air.

M. AUDIT ALAM SEKELILING

46. Audit alam sekeliling terhadap cadangan projek seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 33A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 hendaklah dilaksanakan berpandukan *Environmental Audit Guidance Manual*, terbitan Jabatan Alam Sekitar oleh pihak ketiga iaitu Juru Audit yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar setiap empat **(4) bulan sekali**, semasa pembukaan kawasan. Setelah penanaman siap, setahun sekali sepanjang jangka hayat projek.
47. Segala kos audit alam sekeliling tersebut hendaklah ditanggung oleh pihak Penggerak Projek.

N. PENTADBIRAN

48. Satu salinan syarat kelulusan laporan EIA ini, dokumen EMP, setiap salinan dokumen yang menjadi sebahagian syarat-syarat kelulusan dan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling tersebut hendaklah dipamerkan di satu tempat yang sesuai, boleh dilihat dengan jelas di pejabat pengurusan tapak projek dan untuk rujukan.
49. Syarat kelulusan laporan EIA ini bersama setiap salinan dokumen yang menjadi sebahagian syarat-syarat kelulusan dan syor-syor perunding di dalam Laporan EIA hendaklah dijadikan sebahagian dari **dokumen kontrak** di antara pihak Penggerak Projek dengan kontraktor yang akan menjalankan kerja-kerja di tapak projek.
50. *Environmental Officer* (EO)* yang kompeten dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara-perkara berkaitan pengurusan alam sekitar dan pelaksanaan semua langkah kawalan hendaklah dilantik. **Nama, jawatan dan maklumat perhubungan yang lengkap** pegawai berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan. Antara tugas pegawai ini ialah:
- (I) menyelia kerja-kerja kawalan hakisan dan sedimen di tapak seperti mana ditetapkan dalam Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP);
 - (II) mengemaskini Buku Harian Tapak;
 - (III) menjalankan pemeriksaan harian ke atas langkah-langkah kawalan pencemaran serta struktur BMPs, kawalan hakisan dan sedimen termasuk *perimeter drain, check dam, silt trap, wash trough, slope protection* dan lain-lain;
 - (IV) mengadakan mesyuarat tapak setiap 2 minggu bersama penggerak projek dan kontraktor;
 - (V) menjalankan pengukuran *in-situ* parameter kekeruhan di takat pelepasan dari alat kawalan sedimen seperti kolam perangkap mendap dalam tempoh tidak melebihi 30 minit selepas hujan. Sekiranya hujan berterusan melebihi 24 jam, pengukuran hendaklah dijalankan sekali pada setiap hari.


(Kegagalan mematuhi syarat ini perlu dicatatkan dengan alasan yang kukuh dan munasabah);

(VI) semua langkah amalan *good housekeeping* berasaskan konsep kepada '5S' (sisih, sapu, susun, seragam dan sentiasa amal) hendaklah dilaksanakan bermula dari aktiviti gangguan tanah dan di sepanjang hayat projek; dan

(VII) melaksanakan tugas-tugas yang diperincikan di dalam *EIA Guideline in Malaysia* (EGIM) terbitan Jabatan Alam Sekitar.

** [Perhatian: EO bagi kawalan hakisan dan sedimen hendaklah mempunyai sijil CESSWI (Certified Erosion Sediment and Stormwater Inspector) atau CISEC Certified Inspector on Sediment and Erosion Control) atau yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling. Sekiranya EO yang dilantik belum mendapat mana-mana persijilan, EO hendaklah mendapatkannya dalam tempoh 6 bulan].*

51. Penggerak projek hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan jika terdapat sebarang pertukaran konsep projek atau pembahagian hakmilik atau pengurusan hartanah atau pun pertukaran nama projek/syarikat dan kontraktor yang dilantik tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas perlaksanaannya.
52. Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan hendaklah dimaklumkan secara bertulis tarikh sebenar projek ini akan dilaksanakan tidak lewat daripada 14 hari sebelum projek bermula dan tarikh projek dijangka siap, termasuk tarikh sebenar projek disiapkan tidak lewat daripada 14 hari selepas projek tersebut siap.
53. Sesalinan surat kelulusan berkaitan seperti pelan kerja tanah, pembebasan hutan, pembebasan mineral dan sebagainya daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri atau agensi berkaitan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Kelantan dalam tempoh sebulan dari tarikh surat kelulusan tersebut.
54. Penggerak projek hendaklah mematuhi arahan dan syarat-syarat tambahan yang dikenakan dari semasa ke semasa.
55. **Sebarang kecuaiian atau pelanggaran apa-apa syarat di atas akan mendedahkan penggerak projek kepada tindakan undang-undang di bawah Seksyen 34A (8), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974**



(WAN AMINORDIN BIN WAN KAMARUDDIN)

b.p Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

Tarikh : 12 Mac 2024